

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 40

Salman Enterprise adalah pembekal bunga-bunga hiasan di bandar Bukit Mertajam. Maklumat di bawah telah diambil daripada rekod perakaunan perniagaannya pada 1 Januari 2017:

	RM
Kenderaan	36,000
Kelengkapan	5,200
Inventori	6,500
Tunai	640
Bank Overdraf	2,140
Akaun belum terima	5,700
Akaun belum bayar	3,100

Urus-urus niaga berikut telah berlaku sepanjang bulan Januari 2017:

Tarikh	Urus niaga
2017	
Januari 3	Satu perempat daripada inventori telah dijual dengan harga RM2,160 secara kredit.
5	Menerima komisen sebanyak RM860 secara tunai.
6	Memasukkan tunai sebanyak RM1,000 ke dalam bank.
10	Memasang papan tanda baru yang berharga RM1,200. Wang pendahuluan sebanyak RM200 telah dibayar secara tunai dan bakinya akan dibayar pada bulan Mac 2017.
12	Membeli barang niaga secara kredit RM560.
15	Mengeluarkan cek bernilai RM600 untuk menjelaskan hutang kawan karib pemilik.
16	Membayar sewa kedai secara cek RM850.
18	Menerima cek daripada akaun belum terima berjumlah RM3,240 untuk menjelaskan baki hutang yang berjumlah RM3,400.
22	Jualan barang niaga secara tunai RM380. Kos barang dijual ialah RM210.
25	Pulangan barang niaga kepada akaun belum bayar bernilai RM120.
29	Cek seorang akaun belum terima tidak dilayan oleh bank RM580. Diskaun sebanyak RM12 telah dibatalkan.
31	Pemilik telah mengeluarkan cek RM600 untuk kegunaan keluarganya.

Dikehendaki:

(a) Merekod perkara-perkara di atas mengikut format jadual yang diberikan di bawah:

	Kenderaan	Kelengkapan	Inventori	Akaun belum terima	Bank	Tunai	Akaun belum bayar	Modal	Untung bersih
2017	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada Januari 1									
3									
4									
6									
8									
12									
13									
18									
21									
23									
26									
28									
29									
Baki pada Januari 30									

(b) Sediakan semula penyata kedudukan kewangan perniagaan ini pada 31 Januari 2017 setelah perkara-perkara di atas diambil kira.